

▼03/12/22-59MST

UN34443

U GB 03-12 00177 BH903

bah

Mahathir - Surat

MAHATHIR TIDAK NAMPAK PERLUNYA KEATING MENULIS SURAT

LANGKAWJ, 3 Dis (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak nampak perlunya Perdana Menteri Australia Paul Keating menghantar surat kepada beliau "yang tidak menolong mengurangkan kekeruhan perhubungan antara Australia dan Malaysia."

"Saya tidak fahamlah apa perlunya (Keating) menghantar surat, yang pada saya, sekurang-kurangnya tidak memohon maaf, yang itu saya tak minta, tetapi tidak pula untuk berdamai," katanya kepada pemberita di sini malam ini.

"Jadi, saya tak tahu maksudnya," katanya ketika diminta mengulas surat yang ditulis oleh Keating kepada beliau.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak akan menjawab surat Keating itu.

"Saya tak tahu nak jawab, kalau saya jawab dia mungkin berpanjaung," katanya.

Mengenai kandungan surat itu, beliau berkata: "Saya nak kata dia mahu berdamai pun susunan ayat tidak bunyi macam mahu berdamai tetapi hanya menerangkan mengapa dia (Keating) membuat kenyataan di Seattle, itu sahaja dan kenapa dia berasa tidak senang hati dengan saya." -- Lagi

KHY AKD

▼03/12/23-07MST

U GB 03-12 00151 BH904

bah

Mahathir - Surat 2 Langkawi

Dr Mahathir berkata, beliau cuba mengelak daripada membuat apa-apa respon kepada soalan-soalan yang ditujukan kepada beliau sebelum ini tetapi nampaknya dengan tidak menjawab tindakan beliau itu ditafsirkan sebagai bersetuju dengan pendirian beberapa orang menteri yang mengkritik Australia.

Beliau juga dukacita kerana kononnya Keating menyatakan Kementerian Luar Australia menanti untuk menerima bantahan daripada Malaysia.

"Serakat yang saya tahu, Wisma Putra membuat bantahan tetapi dia menafikan ada protes daripada pihak kita. Ini tidak sepatutnya berlaku kerana ia tidak benar," katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau tidak menyalahkan rakyat Australia tetapi beliau tidak faham kenapa Perdana Menteri Australia marah terhadap kenyataannya berhubung Apec, iaitu mengenai Apec menjadi terlalu besar.

"Maksud saya, Apec menjadi terlalu besar bukan daripada segi bilangan ahlinya tetapi daripada segi konsolidasi yang dibuat dengan mengadakan sekretariat formal dan hendak dijadikan sebagai blok perdagangan," katanya. -- Lagi

▼03/12/23-17MST

CNS4998

U GB 03-12 00200 BH905

bah

Mahathir - Surat 3 Langkawi

"Teguran saya bukan kerana lebih banyak negara menyertai Apec, saya bersetuju, lagi ramai menyertai Apec lebih baik kerana ia merupakan satu organisasi untuk negara-negara Pasifik dan semua negara Pasifik menjadi ahlinya, itu pendirian saya tetapi tidak perlu menjadi satu blok perdagangan.

"Dijadikan blok perdagangan dengan keanggotaan Amerika Syarikat, Jepun dan sebagainya maka ia menjadi satu organisasi yang cukup besar kerana mempunyai kumpulan yang terlalu kuat. Itu yang saya tidak bersetuju.

"Tetapi nampaknya Australia marah kenapa kita sokong Chile untuk menjadi anggota Apec kerana kononnya sokongan kepada Chile menjadikan Apec itu besar. Tak ada, Chile hanya sebuah negara kecil sahaja."

Dr Mahathir berkata, kalau ada pihak yang patut marah kepada kenyataan beliau itu, beliau fikir pihak itu ialah Amerika Syarikat dan Presiden Bill Clinton kerana beliau mengkritik secara langsung usaha Amerika untuk memperalatkan Apec.

"Saya kritik dan saya pun tak hadir walaupun dijemput oleh Clinton. Kalau ada orang yang sepatutnya marah kepada saya, dia ialah Clinton tetapi nampaknya Clinton tidak marah walaupun dia berasa tidak senang hati tetapi taklah membuat kenyataan yang menyakit hati, kepada rakyat Malaysia, kalau pun tidak kepada saya," kata beliau. -- Lagi

▼03/12/23-24MST

CNS4999

U GB 03-12 00178 BH906

bah

Mahathir - Surat 4 Langkawi

Dr Mahathir berkata, Presiden Clinton, Jepun dan negara-negara anggota Apec yang lain tidak berasa marah dengan kenyataan beliau tetapi Australia berasa komennya mengenai Apec menjadi terlalu besar sudah menjadi satu perkara yang menyakitkan hati.

"Sehingga menyebabkan kenyataan dibuat, yang walaupun tidak berniat untuk menyakitkan hati tetapi tidak dapat tidak ditafsir sebagai menyakitkan hati. Niat sahaja tidak cukup. Kita kalau berniat baik tetapi perkataan yang keluar tidak baik orang akan pegang kepada perkataan kita bukan atas niat kita," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, beliau akan membuat penerangan sekiranya ditanya oleh akhbar dan menteri-menteri di Malaysia juga berhak untuk membuat tafsiran dan komen mereka sendiri.

"Saya tidak boleh melarang menteri-menteri saya supaya jangan membuat apa-apa komen. Itu hak mereka hendak membuat komen atau hendak mengambil tindakan. Terpulanglah kepada mereka," katanya.

Sama ada beliau bersetuju agensi kerajaan mengambil tindakan terhadap Australia, Dr Mahathir berkata, beliau tidak ada mengeluarkan arahan secara umum kepada sesiapa tetapi sekiranya ada yang mengambil tindakan itu disebabkan mereka tersinggung. -- Lagi

▼03/12/23-33MST

CNS5000

U GB 03-12 00108 BH907

bah

Mahathir - Surat 5 (Akhir) Langkawi

"Mungkin pada mereka ini adalah tindakan yang membuktikan sokongan mereka kepada saya. Mungkin tindakan itu kerana mereka berasa marah tetapi itu hak mereka," katanya.

Perdana Menteri bagaimanapun berkata, sekiranya ada pihak yang menuduhnya bersetuju dengan tindakan mereka olqh kerana beliau senyap, itu merupakan satu sangkaan buruk yang tidak patut ada.

Mengenai apakah langkah yang patut diambil oleh Australia untuk memulihkan perhubungan dengan Malaysia, Dr Mahathir berkata, "kalau nak bagi reda, lebih baik tak jawab, tak usah cakap, tak usah buat apalah kerana ia cuma akan memburukkan keadaan sahaja." -- Bernama

KHY AKD

▼03/12/23-34MST